

# **Kepentingan Reformasi Struktur untuk Keberterusan Pertumbuhan Ekonomi**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Bank Dunia baru-baru ini telah menyemak semula unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk tahun ini, di mana keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dijangka tumbuh pada 5.8%. Ini merupakan kenaikan hampir satu mata peratusan daripada unjuran awal 4.9% pada bulan Jun yang lepas. Pertumbuhan yang lebih pantas ini dijana oleh permintaan domestik yang kukuh disokong oleh keadaan pasaran buruh yang bertambah baik dan pertumbuhan upah serta pertumbuhan pelaburan swasta dan awam yang sihat. Dalam pada itu, permintaan antarabangsa untuk barangan pembuatan dan komoditi dari Malaysia turut meningkat.

Sehubungan dengan pertumbuhan yang lebih baik dari jangkauan, Bank Dunia juga menggariskan bahawa ini memberi peluang kepada Malaysia untuk mendalamkan reformasi struktur dan seterusnya mampu membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pantas di masa hadapan. Reformasi struktur terutamanya perlu diberi tumpuan kepada dasar-dasar yang melibatkan peningkatan produktiviti dan juga dasar-dasar untuk menangani kekangan, umpamanya yang berkaitan dengan persaingan dan tenaga mahir. Akhirnya, reformasi struktur akan memberi kesan positif kepada peningkatan pendapatan benar di kalangan isi rumah.

Mesej penting yang perlu diberi perhatian adalah tentang potensi pertumbuhan ekonomi yang boleh dijana melalui peningkatan kecekapan di dalam sistem. Suatu sistem ekonomi yang efisien mampu menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi walaupun tanpa peningkatan input buruh dan modal. Secara umumnya, ini mampu dicapai melalui peningkatan teknologi dan pembangunan modal insan di dalam sebuah ekonomi yang efisien.

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Dari sudut peningkatan modal insan, Malaysia telah melalui pertumbuhan yang agak baik. Pada tahun 2016, tenaga buruh yang mempunyai pendidikan di peringkat tertiar meliputi 27.7% daripada jumlah tenaga buruh di dalam ekonomi. Ini berbanding dengan hanya 7.5% tiga dekad yang lepas. Namun, mempunyai tenaga buruh yang berkebolehan tinggi tidak menjamin memberi sumbangan yang tinggi terhadap pertumbuhan ekonomi. Ianya perlu disokong oleh persekitaran yang kondusif.

Antara lain, tahap teknologi juga perlu ditingkatkan supaya mampu menyerap tenaga buruh berkemahiran tinggi yang diterbitkan oleh ekonomi. Di dalam konteks ini, dasar yang bersesuaian perlu diwujudkan untuk menggalakkan pertumbuhan pelaburan berteknologi tinggi. Begitu juga dasar berkaitan dengan penggalakan pertumbuhan inovasi buruh perlu juga diberi penekanan.

Seterusnya, semua pasaran juga perlu melalui reformasi ke arah peningkatan kecekapan. Ini termasuk pasaran buruh, pasaran modal dan sebagainya perlu efisien, di samping pasaran barangan dan perkhidmatan. Sebuah pasaran yang efisien bermakna harga dan kuantiti keseimbangan di dalam pasaran ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Campur tangan kerajaan, sekiranya perlu, dihadkan kepada objektif untuk pemudahan perjalanan pasaran.

Di dalam konteks ini, segala bentuk subsidi, kuota dan segala jenis diskriminasi perlu dinilai semula supaya tidak bertindak sebagai penghalang kepada peningkatan kecekapan pasaran. Ini termasuk segala bentuk tindakan afirmatif lambat laun perlu dinilai semula supaya ianya mempunyai objektif yang jelas dan tidak menjadi bagasi kepada pembangunan ekonomi negara.

Perlu juga diingat bahawa segala bentuk campur tangan kerajaan di dalam ekonomi mempunyai harga yang perlu dibayar. Kaedah umum yang sering diguna pakai di dalam dasar pembangunan ekonomi adalah dengan memastikan faedah campur tangan sentiasa melebihi kos kepada keseluruhan ekonomi. Dalam pada itu segala bentuk campur tangan juga, paling baik, mestilah berbentuk sementara. Maka lambat laun, perlu kembali kepada tanpa campur tangan untuk memaksimumkan faedah persaingan pasaran.

Pengajaran penting yang perlu diambil di sini adalah pasaran persaingan bebas adalah kunci utama untuk pembangunan ekonomi masa hadapan. Pasaran bebas menjamin penerapan meritokrasi di dalam sistem. Seterusnya, daya inovasi dan produktiviti adalah merupakan kesan langsung dari proses ini.

Dua perkara penting perlu diberi perhatian untuk mencapai matlamat ini. Pertama, pembangunan institusi dan kedua pengubahan minda masyarakat. Penerapan segala dasar ekonomi yang efektif memerlukan persekitaran institusi yang kondusif. Ini bukan hanya terhad kepada kewujudan agensi-agensi pelaksana dengan prosedur operasi standard yang terkini, tetapi juga termasuk penerapan budaya kepada masyarakat yang sentiasa mengutamakan pencapaian matlamat asas. Umpamanya, kewujudan gejala rasuah tidak bermakna kita tidak mempunyai peraturan dan undang-undang yang mencukupi, tetapi lebih kepada kegagalan membudayakan anti rasuah kepada masyarakat.

Pengubahan minda masyarakat ke arah memahami konsep ekonomi bukan suatu perkara remeh. Umpamanya, had campur tangan kerajaan di dalam ekonomi perlu difahami umum. Di dalam konteks ini, campur tangan kerajaan perlu terhad kepada fungsi mudah-cara pasaran. Sebaliknya, campur tangan untuk mengganggu keseimbangan pasaran seperti kawalah harga perlu dielakkan. Ini termasuk segala bentuk subsidi di dalam pasaran barangan dan perkhidmatan dan kuota di dalam pasaran buruh.

Masyarakat kini mungkin telah dilalikan oleh campur tangan kerajaan di dalam bentuk yang kurang efisien ini. Walaupun, pada asasnya dasar sebegini mempunyai kebaikannya tersendiri namun ianya masih berbentuk sementara. Jika berterusan, ianya mempunyai kos yang mahal kepada ekonomi di dalam bentuk pembantutan pertumbuhan ekonomi masa hadapan.

Justeru, umumnya reformasi ekonomi perlu menekankan kedua-dua unsur tersebut. Perlu diingat, kini Malaysia bergerak menuju matlamat negara berpendapatan tinggi dan sudah tentu juga ke arah sebuah negara maju. Maka sudah tentu minda masyarakat juga perlu bergerak selari.